

29 JUL 1998

HUBUNGAN RAKYAT M'SIA-S'PURA TIDAK TERJEJAS, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Hubungan antara rakyat Malaysia dan Singapura tidak terjejas walaupun timbul isu berhubung kedudukan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di stesen kereta api KTM Berhad di Tanjong Pagar.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata tidak ada sebab bagi rakyat Malaysia hendak bertelingkah dengan rakyat Singapura.

"Tidak ada sebab kita nak rosakkan hubungan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan album Noraniza Idris "Masyhur" di sini hari ini.

Isnin lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pusat pemeriksaan CIQ Malaysia di Tanjong Pagar tidak akan dipindahkan walaupun Singapura mahu ianya dipindahkan ke Woodlands pada 1 Ogos ini.

Di JOHOR BAHRU, Pemuda Umno Johor akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengenal pasti punca pelbagai isu yang melibatkan Singapura termasuk soal ekonomi dan permasalahan pekerja Malaysia di republik itu.

Ketuanya Hasni Mohamed mencadangkan agar Pemuda Umno Pusat turut menubuhkan jawatankuasa khas seumpama itu bagi mencari jalan menangani pelbagai isu semasa berkaitan Singapura yang terlalu kerap berlaku dan bagi menjaga hubungan baik dua hala.

-- BERNAMA

APG BH MAI